

# Tarikh merdeka dipersetujui dua tahun awal daripada sasaran

BH - 4/5/2007

**P**ADA akhir Ogos 1955, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan yang baru, Alan Lennox-Boyd, datang ke Tanah Melayu untuk lawatan rasmi. Kerajaan Tunku Abdul Rahman yang baru dipilih dengan cepat menggunakan kesempatan itu untuk meminta perbincangan mengenai kemerdekaan diadakan segera.

Akhir tahun itu, Kerajaan Britain bersetuju menemui dua delegasi – satu mewakili Kerajaan Tanah Melayu yang dipilih, dan satu lagi dilantik Raja-Raja Melayu – pada Januari tahun berikutnya.

Pada 1956, dua delegasi Tanah Melayu – satu mengandungi empat ahli Perikatan dan satu lagi empat wakil raja-raja – berangkat ke London untuk merundingkan kemerdekaan. Mereka termasuk Tunku, Razak, Ismail dan Kolonel H S Lee, serta Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Menteri Besar Perak dan Selangor, serta bekas Menteri Besar Kelantan, Nik Kamil yang berkelayakan undang-undang.

Mereka diiringi Setiausaha Agung Perikatan, T H Tan, selaku setiausaha rombongan Perikatan, dan Abdul Kadir Sam-suddin, selaku setiausaha perwakilan raja-raja. Kapal pelayaran mereka ialah kapal Itali bernama *Asia*.

"Kami pergi ke London dalam dua peringkat – Pertama dengan kapal, kedua dengan kapal terbang. Semuanya idea Tunku untuk menghimpunkan semua ahli delegasi supaya mereka bergaul dan bekerja bersama-sama sepanjang pelayaran, meleraikan percanggahan supaya di akhir pelayaran, mereka muncul sebagai satu kumpulan yang siap untuk berdepan dengan Kerajaan Britain.

"Di atas kapal, kami bermesyuarat setiap pagi dengan Tunku sebagai pengerusi. Menjelang waktu tiba di Karachi, kami semua, termasuk Datuk Panglima Bukit Gantang, bersepakat mengenai haluan perbincangan dengan Kerajaan Britain," kata Dr Ismail.

Perundingan berlangsung dari 18 Januari hingga 6 Februari. Itulah pertama kali Ismail ke London, dan dia dibawa bersiar-siar oleh Tunku dan Razak bersama ahli lain yang belum pernah ke sana.

Semua pihak berjumpa dan bermesyuarat di Lancaster House 'dalam suasana sangat mesra' dan rundingan selesai tanpa memakan banyak masa. Ismail ingat sekali peristiwa itu.

Satu lagi masalah yang perlu diatasi waktu itu ialah soal penasihat Inggeris kepada raja-raja.

Britain mahu mereka dikekalkan hingga kemerdekaan diisytihar. Perikatan pula mahu mereka diberhentikan segera, bimbang penasihat Inggeris akan menghasut raja-raja menentang pimpinan politik.

Nampaknya keputusan terletak di tangan wakil raja-raja. Mereka diberi kuasa untuk mengundi mengikut pilihan masing-masing, kecuali Datuk Seth Said, wakil Sultan Johor dan bapa mentua Ismail.

Sultan Ibrahim memberi arahan kepada wakilnya supaya 'menggesa agar Penasihat dikekalkan.' Kejutan berlaku apabila Seth melanggar titah Sultan dan memihak kepada delegasi Perikatan meminta Penasihat dipanggil pulang serta-merta.

Satu lagi isu yang sukar ialah sama ada tarikh kemerdekaan patut ditetapkan atau tidak.

Kerajaan Britain keberatan menetapkan tarikh sasaran tetapi ahli Umno dalam delegasi terutama Tunku, Razak dan Ismail bertekad untuk mendapatkan tarikh sasaran kerana Perhimpunan Agung Umno di Melaka sebelum delegasi bertolak ke London meluluskan ketetapan bahawa merdeka mesti dicapai selewat-lewatnya 31 Ogos 1957. Selepas perbincangan panjang lebar, sidang akhirnya bersetuju untuk menambah kata-kata 'kalau boleh' selepas kata-kata '31 Ogos 1957'.

Rundingan diteruskan secara tidak rasmi hingga kesepakatan dicapai pada 8 Februari – kebetulan hari lahir Tunku ke 53 – kemerdekaan akan diberikan pada 31 Ogos 1957, dua tahun lebih awal daripada yang dijanjikan Perikatan ketika pilihan raya dulu.